

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian untuk meluluskan permohonan lesen mengusahakan stesen minyak di kawasan luar bandar serta nyatakan dengan terperinci jumlah permohonan lesen yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Julau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap permohonan untuk membangunkan stesen minyak perlu dihantar melalui syarikat minyak kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ini adalah bagi memastikan pembekalan produk petroleum setiap stesen minyak disokong oleh syarikat minyak yang dipilih oleh pengusaha stesen minyak tersebut.
2. Antara syarat yang ditetapkan dalam mempertimbangkan permohonan membangunkan stesen minyak adalah lokasi stesen minyak perlu melebihi jarak 25km daripada sempadan negara. Dasar 25km ini ditetapkan bagi mengurangkan ketirisan produk petroleum bersubsidi ke negara luar.
3. Kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk tapak membangunkan stesen minyak seterusnya akan dipanjangkan oleh pemohon kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk kelulusan seperti Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB). Selain PBT, syarikat minyak juga perlu mendapatkan kelulusan agensi Kerajaan lain yang berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi penilaian keselamatan tapak dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi cadangan tapak yang terletak di lebuhraya. Dengan kelulusan semua perkara berkaitan, pemohon akan mendapatkan Kebenaran PDA (Petroleum Development Act 1974) dan Lesen CSA (Control Supply Act 1961) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebelum stesen minyak boleh beroperasi.

4. Proses dan syarat yang sama adalah terpakai kepada stesen minyak di bandar mahu pun di luar bandar. Syarat tambahan bagi kawasan luar bandar adalah permohonan baharu daripada syarikat minyak tidak boleh melibatkan cadangan tapak stesen minyak dengan lokasi 10km daripada stesen mini sedia ada. Stesen minyak mini iaitu di bawah IPTB Sdn. Bhd., Smart Stream Resources Sdn. Bhd. dan Petro Teguh Sdn. Bhd adalah merupakan stesen minyak dalam skala dan modal lebih kecil serta mendapat bekalan daripada syarikat minyak utama iaitu Petronas Dagangan Berhad dan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. Dasar 10 km ini ditetapkan bagi memastikan pembekalan produk petroleum di kawasan luar bandar.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, di kawasan Parlimen Julau setakat ini terdapat dua (2) stesen minyak yang telah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna luluskan tapaknya dan kini berada dalam proses pembangunan. Dua (2) stesen minyak ini adalah di bawah syarikat minyak Smart Stream Resources Sdn. Bhd. dan IPTB Sdn. Bhd.

6. Selain itu, terdapat 28 POS (*Point of Sale*) iaitu CD (*Community Drumming*) yang membekalkan bekalan produk petroleum kepada penduduk di kawasan Julau. CD (*Community Drumming*) ini merupakan usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memastikan bekalan yang mencukupi di kawasan Parlimen Julau secara khususnya dan di seluruh negara secara amnya.

Sekian, terima kasih.